



JABATAN PERDANA MENTERI  
UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA  
(MAMPU)

## KENYATAAN MEDIA

**PUTRAJAYA, 8 Oktober 2020** - Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) menyediakan perkhidmatan pengkomputeran awan (*cloud computing services*) kepada sektor awam melalui MyGovCloud@PDSA sebagai *Government Private Secured Cloud*.

Perkhidmatan ini boleh menampung hampir 25% daripada keperluan perkhidmatan pengkomputeran awan dalam sektor awam. Kerajaan berhasrat supaya *public cloud* iaitu perkhidmatan pengkomputeran awan menjadi pelengkap kepada MyGovCloud@PDSA bersama pengkomputeran awan secara *hybrid* dalam tempoh lima (5) tahun akan datang.

Penggunaan *hybrid cloud* membolehkan MyGovCloud@PDSA memberikan perkhidmatan kepada agensi sektor awam yang berinovatif dengan cepat dengan perbelanjaan yang optimum. Ini dapat digunakan mengikut keperluan bagi penyediaan dan penyelenggaraan infrastruktur ICT seperti pusat data, pelayan dan storan. Ia akan menguntungkan kerajaan dengan penyediaan infrastruktur yang selamat dan terjamin melalui platform kolaboratif untuk penyampaian perkhidmatan kerajaan yang cekap kepada rakyat.

Kerajaan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Pengkomputeran Awan atau dikenali sebagai *Cloud Computing Committee (CCC)* sebagai badan penasihat berkaitan pengkomputeran awan dalam sektor awam. Jawatankuasa yang dipengerusikan secara bersama oleh MAMPU dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) yang menentukan aspek tadbir urus, perolehan, keselamatan, perundangan dan teknikal bagi melaksanakan perkhidmatan pengkomputeran awan dalam sektor awam.

Pada 15 Ogos 2020, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan syarikat multinasional seperti *Google*, *Amazon* dan *Microsoft* turut menunjukkan minat untuk melibatkan diri dalam pelaburan di Malaysia bagi menyediakan perkhidmatan pengkomputeran awan. MAMPU telahpun mengadakan sesi libat urus dengan beberapa syarikat yang membekalkan perkhidmatan pengkomputeran awan dari dalam dan luar negara bagi mendapatkan perkhidmatan yang sesuai dengan kerajaan.

Sehubungan dengan itu, melalui Strategi *Cloud First*, MAMPU telah mengiklankan secara terbuka, satu *Request for Proposal (RFP)* pada 15 September 2020 yang lalu, untuk mendapatkan cadangan daripada para pembekal bagi menawarkan perkhidmatan *public cloud* kepada kerajaan. Syarikat yang berkemampuan dan mempunyai teknologi yang bersesuaian dengan keperluan penggunaan agensi kerajaan dalam memberi perkhidmatan *end-to-end* dan sempurna kepada rakyat boleh mengambil bahagian dan mengemukakan tawaran masing-masing untuk

pertimbangan kerajaan. Pembekal Perkhidmatan Pengkomputeran Awan (*Cloud Service Provider*) yang menyertai RFP ini akan dinilai. Syarikat yang berjaya dalam penilaian tersebut akan dilantik sebagai panel pembekal pengkomputeran awan melalui mekanisme mirip kepada Kontrak Panel Berpusat. Melalui kaedah ini, perkhidmatan panel tersebut tersedia untuk dilanggan oleh agensi kerajaan. Tarikh tutup untuk menyertai RFP ini adalah pada 12 Oktober 2020, pukul 12.00 tengah hari.

Untuk maklumat lanjut layari <https://www.mampu.gov.my/ms/awam/notis-tender-sebut-harga1>.

\*\*\*

**UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN PENGURUSAN  
MALAYSIA (MAMPU)  
JABATAN PERDANA MENTERI**